

**Pingat Emas Pertama Olimpik: Nasib Tidak Menyebelahi Kita – Muhyiddin Bernama**  
**5 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 5 Ogos (Bernama) -- Turut bersama seluruh rakyat Malaysia berkongsi debaran menyaksikan pemburuan pingat emas pertama negara di Sukan Olimpik oleh pemain badminton nombor satu dunia Datuk Lee Chong Wei malam ini ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Mungkin nasib tidak menyebelahi kita, namun apapun kita ucap syabas dan tahniah kepada Chong Wei, yang saya kira telah bermain bermati-matian, bersungguh-sungguh, kita dapat saksikan beliau bertarung bagi mencapai cita-cita untuk mendapatkan pingat emas pertama," katanya semasa mengulas kekalahan Chong Wei di tangan pemain China, Lin Dan.

Muhyiddin berkata beliau melihat Lin Dan mempunyai 'sedikit kelebihan' dalam permainannya manakala Chong Wei juga nampak sudah bersedia, menjadikan persaingan dua jaguh dunia itu begitu sengit.

Beliau berkata demikian kepada pemberita seurus menyaksikan perlawanan secara langsung dari London itu di skrin besar yang dipasang di restoran Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya malam Ahad.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim dari Rumah Nur Hikmah dan Badan Amal Nur Zaharah anjuran syarikat Eden Inc Bhd.

Muhyiddin turut menyifatkan pemain negara itu sebagai hero atas kejayaannya meraih pingat perak di Sukan Olimpik.

"Kita percaya kejayaan ini juga dapat menyemarakkan semangat rakyat Malaysia untuk terus berusaha, moga-moga satu hari nanti, kita dapat pingat emas yang pertama," katanya.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan sumbangan RM5,000 kepada Rumah Nur Hikmah dan Badan Amal Nur Zaharah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685783>